

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 ( 16 )

4 Mac 2021  
20 Rejab 1442

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 12/2021

### **ARAHAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BERKUAT KUASA MULAI 5 MAC 2021 HINGGA 18 MAC 2021**

Merujuk kepada pengumuman oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 2 Mac 2021, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur), Johor, Negeri Sembilan, Kedah, Perak dan Kelantan berkuat kuasa mulai **5 Mac 2021 (Jumaat) hingga 18 Mac 2021 (Khamis)**.

2. Sepanjang tempoh tersebut, perkhidmatan Pusat Tanggungjawab dibenarkan beroperasi dengan **peningkatan kehadiran ke pejabat dengan minima 60% sehingga maksima 70%** bagi semua kumpulan staf (termasuk staf akademik). Manakala **minimum 30% hingga maksima 40%** lagi staf dikehendaki bekerja dari rumah (BDR) melalui sistem penggiliran. Staf di bawah Perkhidmatan Perlu yang disenaraikan perlu hadir bertugas secara kapasiti penuh atau secara penggiliran mengikut skop dan kesesuaian perkhidmatan masing-masing.
3. Staf yang tidak hadir ke pejabat secara giliran perlu bekerja dari rumah (BDR) dengan membuat permohonan melalui aplikasi UTMSMart atau Portal MyUTM menu *Staff Movement* dan seterusnya merekodkan kehadiran bekerja melalui aplikasi UTMSmart (*Check-In/Out GPS*) mengikut waktu bekerja berperingkat yang telah ditetapkan.
4. Panduan dan peraturan yang berkaitan dengan pelaksanaan operasi Universiti dalam tempoh PKP/PKPB yang sedang berkuat kuasa akan terus terpakai dan semua staf diminta merujuk kepada panduan dan peraturan tersebut bagi memastikan operasi Universiti dapat berjalan dengan baik dan lancar.

5. Bagi memastikan operasi Pusat Tanggungjawab tidak terjejas, Universiti menyediakan panduan aktiviti dan pergerakan ke kampus seperti berikut:

- i. Panduan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuat kuasa Mulai 5 Mac 2021 hingga 18 Mac 2021.

6. Arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini adalah berkuat kuasa mulai 5 Mac 2021 (Jumaat) hingga 18 Mac 2021 (Khamis) atau sehingga pihak Kerajaan mengeluarkan arahan terbaharu. Ketua Jabatan perlu memastikan staf yang hadir **mestilah mengambil maklum pematuhan ketat SOP yang ditetapkan**. Warga Universiti adalah diminta untuk memberikan kerjasama sepenuhnya terhadap Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi membasmi risiko penularan wabak COVID-19 di Universiti.

Terima kasih.

**“Prihatin Rakyat : Darurat Memerangi COVID-19”**

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)**

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Pusat Penyelidikan - UTM Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah